

# Premier S'wak dahului penerima darjah kebesaran negeri

## Sempena sambutan Hari Jadi Rasmi ke-71 Yang Dipertua Negeri Sabah

UB 06.10.2024 P.08

KOTA KINABALU: Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg mendahului senarai seramai 1373 penerima anugerah darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormat sempena sambutan Hari Jadi Rasmi ke-71 Yang Dipertua Negeri Sabah (TYT), Tun Juhar Mahiruddin di sini.

Abang Johari adalah antara empat penerima darjah kebesaran tertinggi negeri Sabah, Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima.

Tiga lagi penerima SPDK ialah Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Christina Liew; Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain @ Abd Rashid dan ahli perniagaan, Datuk Kumar Prabakaran.

Sementara itu, seramai 87 penerima dianugerahkan pingat Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran 'Datuk'.

Enam daripada mereka ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah, termasuk dua berjawatan Pembantu Menteri tersenarai antara penerima darjah kebesaran kedua tertinggi Sabah terbabit.

Penerima terbabit ialah Pembantu Menteri Pertani-



**SPDK:** (Dari kiri) Abang Johari, Christina dan Razarudin penerima SPDK.

**JP:** Ewon dan Kasim antara penerima anugerah Jaksa Pendamai.

**RAFIQ**



**PGDK:** (Dari kiri) Chiew, Mohd Zamri, Azmi, Mohd Azhar, Tan, Josie dan Peto, sebahagian penerima PGDK sempena Hari Jadi Rasmi TYT Sabah kali ke-71.

an, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Peto Galim yang juga ADUN Inanam dan Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Tan Lee Fat (ADUN Likas).

Empat lagi ialah ADUN Tanjung Kapor, Ben Chong Chen Bin; ADUN Banggi, Mohammad Mohamarin; ADUN Kukusan, Rina Jainal dan ADUN Dilantik, Dr Aliakbar Gulasan.

Turut menerima PGDK ialah Panglima 5 Briged, Kem

Lok Kawi, Brigadier Jeneral Mohd Zamri Abdullah dan Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah, Ahadin Arinen.

Sementara itu, Ketua Pengerang The Borneo Post Sabah, Datuk Chiew Nai Wen antara pengamal media yang menerima PGDK. Turut menerima PGDK ialah Naib Canselor University College Sabah Foundation (UCSF) Dr Rafiq Idris dan Pengerusi KOPEKS, Datuk Dr Saat Awang Damit.

Penerima PGDK seterusnya ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Leonard Stephen Poyong; Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, Maria Chong dan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Josie Lai Mei Sing.

Selain itu, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sabah (JHEAINS), Jumain Jikah Abdul Ghani; Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Philemon Lajawai; Pengurus Besar Lembaga Perumahan dan Bandar (LPPB) Sabah, Rosemary Ahping dan Pengarah Urusan Kumpulan, Ketua Pegawai Eksekutif Sawit Kinabalu, Victor Ationg turut menerima PGDK.

Timbalan Pengarah Risikan/Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Deputi

Komisioner Fadil Marsus; Ketua Penolong Pengarah (Pengurusan Dasar Sumbu) JPJKK Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Saiman Kasran; Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Kontinjen Sabah, Senior Asisten Komisioner Mohd Azhar Hamin dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Sabah, Senior Asisten Komisioner Azmi Abd Rahim antara pegawai tinggi Polis

Diraja Malaysia (PDRM) turut menerima PGDK.

Seramai 10 menerima anugerah Jaksa Pendamai (JP) diketuai Bakri @ Norzaidi Ali Omar, diikuti Datuk Ewon Benedick, Datuk Guan Ka Hock, Datuk Seri Panglima Joachim Gunsalam, Juddy Chu Yen Tien, Datuk Kasim Mansor, Koh Siew Boon, Datuk Liew Kim Choong, Yee Tsai Yiew dan Datuk Zakaria Mohd Edris @ Tubau.

Abdul Wahid Mohd Rafi mendahului 116 yang menerima Ahli Setia Darjah Kinabalu (ASDK), manakala seramai 274 menerima Ahli Darjah Kinabalu (ADK) dan 320 menerima Bintang Setia Kinabalu (BSK).

Seramai 421 menerima Bintang Kinabalu (BK) dan 144 lagi menerima Pingat Perkhidmatan Terpuji (PPT).